mengakibatkan banyak masalah tingkah laku. Louv (2005) menyatakan bahawa faktor utama masalah ini adalah disebabkan oleh akses yang terhad terhadap alam semula jadi dan tarikan peranti elektronik. Isu dan masalah utama dalam keadaan ini adalah masalah ini tiada penawarnya kerana generasi Z sudah sejak azali berada dalam dunia digital.

Oleh yang demikian, pengintegrasian ruang realiti maya yang dibina berlandaskan persekitaran semula jadi seperti IVN diperlukan untuk mewujudkan rasa kehadiran reruang kepada generasi Z. Pembinaan persekitaran semula jadi dalam ruang realiti maya dijangka akan memberikan perasaan ingin berada dalam ruang fizikal yang sebenar seterusnya berinteraksi secara fizikal dengan persekitaran semula jadi. Maka, maklumat daripada generasi ini diperlukan untuk mengetahui ruang yang bagaimana yang mampu mewujudkan kehadiran reruang dalam ruang realiti maya serta mengubah persepsi mereka bahawa berinteraksi dengan persekitaran semula jadi dalam ruang realiti adalah lebih menyeronokkan dan memberikan pengalaman emosi yang lebih mendalam.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Realiti maya memberikan satu persekitaran panorama yang berbentuk tiruan (artifisial) dan tidak banyak pengkaji khususnya di Malaysia yang mengkaji mengenai kehadiran reruang di dalam ruang realiti maya. Hal ini demikian kerana keupayaan navigasi yang rendah dan terhad menyebabkan kebanyakan penyelidik beranggapan bahawa ianya tidak mampu menterjemahkan rasa keberadaan yang realistik sama seperti ketika berada

di dunia sebenar (Guttentag, 2010). Antara contoh-contoh yang mampu diterjemahkan kepada ruang realiti maya adalah melalui gambar, video, filem, dokumentari dan buku. Beberapa penyelidikan terdahulu menunjukkan bahawa pengumpulan data dan plot realistik dalam persekitaran perantara (*mediated environment*) dapat menimbulkan dan meningkatkan pengalaman kehadiran reruang pengguna (Wirth et al., 2007). Oleh itu diharapkan teknologi realiti maya ini dalam mempengaruhi pengalaman kehadiran reruang di kalangan pengguna.

Generasi Z adalah generasi yang lahir dan mesra digital, kehidupan seharian mereka dipengaruhi oleh komunikasi digital seperti bermain permainan digital, melayari internet, bermedia sosial dan menjadikan gajet seperti telefon pintar, tablet dan komputer itu umpama sebahagian daripada hidup mereka. Mereka juga dianggap umpama tidak berpijak pada bumi yang nyata kerana kehidupan mereka dipengaruhi oleh dunia maya. Generasi Z ini juga kebanyakan dari mereka mengalami sindrom *nature deficit disorder* iaitu pengasingan diri daripada alam semula jadi. Menurut Williams (2019), terdapat tiga tanda yang menunjukkan seseorang itu mengalami *nature deficit disorder* iaitu a) terlalu sedikit masa yang digunakan untuk aktiviti luar; b) berasa sesuatu yang tidak betul dengan diri sendiri dan ; c) hilang minat dengan aktiviti diluar lingkungan elektronik.

Banyak kajian yang menunjukkan bahawa hubungan manusia dengan alam mempunyai kesan yang positif terutama dari segi psikofizikal, namun terdapat bukti menunjukkan bahawa peluang untuk pengalaman manusia berinteraksi dengan alam telah menurun di peringkat global (Bratman et al., 2019). Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu (PBB), lebih 55 peratus populasi dunia kini tinggal di persekitaran bandar, dan jumlahnya dijangka meningkat kepada 68 peratus pada tahun 2050 (PBB, 2018). Di Malaysia, penduduk yang tinggal di bandar dijangka akan meningkat daripada 20.29 juta (71%) pada tahun 2010 kepada 27.30 juta (79.6%) menjelang tahun 2025 (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, 2016). Selanjutnya terdapat laporan mengenai penurunan biodiversiti dan kewujudan dunia semula jadi oleh manusia sendiri (IPBES, 2019) yang sebahagian besarnya disebabkan oleh penebangan hutan dan guna tanah untuk tujuan seperti pembinaan, industri dan sebagainya. Selain berkurangnya peluang untuk manusia berhubung dengan alam, orang ramai juga dilihat semakin berkurang hubungan dengan dunia semula jadi yang dijangka akan mempengaruhi pelbagai faktor seperti kepuasan hidup, kebahagiaan serta sikap dan tingkah laku (Capaldi et al., 2014). Semua ini mempengaruhi bagaimana manusia melihat dan berinteraksi dengan dunia semula jadi. Di United Kingdom, kurang dari 40 peratus orang mengunjungi persekitaran semula jadi dan dari 40 peratus itu pula hanya sebahagian sahaja terdiri daripada pengunjung aktif (White et al., 2016). Norway yang terkenal dengan keindahan semula jadi juga melihatkan hanya 60 peratus manusia yang berinteraksi secara aktif dengan alam semula jadi (Calogiuri et al., 2016). Angka ini dijangka menurun lebih jauh pada tahun-tahun mendatang, kerana remaja dan kanak-kanak hari ini menghabiskan lebih sedikit masa di luar berbanding generasi sebelumnya (Balci & Ahi, 2017). Misalnya di Malaysia, laporan menunjukkan bahawa lebih 50 peratus kanak-kanak dan remaja di Malaysia mengamalkan hidup sedentari kerana penggunaan gajet yang berlebihan (Astro Awani, 2018). Teknologi dipercayai menjadi sebahagian dari masalah ini, kerana hasil penyelidikan sebelum ini menunjukkan bahawa



banyak pengalaman manusia untuk berada di ruangan semula jadi telah digantikan dengan peningkatan waktu di skrin (Balci & Ahi, 2017).

Walau bagaimanapun teknologi mungkin juga menjadi sebahagian daripada penyelesaiannya. Interaksi manusia dan alam biasanya dikaitkan dengan alam sekitar, tetapi teknologi moden telah membolehkan manusia membawa pengalaman alam semula jadi ke rumah mereka sendiri. Fenomena ini adalah konsep yang ditakrifkan sebagai sifat teknologi, iaitu teknologi yang dalam pelbagai cara menjadi perantara, menambah dan mensimulasikan pengalaman kita tentang alam semula jadi (Kahn et al., 2009). Konsep sifat teknologi telah mendapat perhatian dalam komuniti penyelidik masa kini, Secara khusus, perhatian dalam komuniti penyelidik masa kini menfokuskan persekitaran semula jadi maya (Levi & Kocher, 1999) dan teknologi persekitaran maya yang imersif (Smith, 2015). Kedua-dua konsep ini telah membuka satu dimensi dan definisi yang baru iaitu konsep persekitaran semula jadi maya imersif (*Immersive Virtual Nature (IVN)*) (Calogiuri et al., 2019) yang menggabungkan rangsangan visual dan pendengaran untuk mewujudkan pengalaman alam semula jadi yang imersif.

Oleh yang demikian, generasi Z dilihat sangat sinonim dengan keadaan *nature deficit disorder* yang menyebabkan mereka tidak gemar berhubung dengan dunia luar dan berinteraksi dengan alam semula jadi. Hakikatnya, mereka menjadi seperti ini adalah disebabkan oleh ketiadaan akses dan pendedahan tentang alam semula jadi yang sebenarnya menyeronokkan. Memandangkan realiti maya tidak asing dengan dunia mereka, maka ianya dilihat relevan untuk membawa mereka menukar persespsi bahawa

dunia semula jadi itu menyeronokkan. Dengan mewujudkan paparan imersif yang kompleks dan menarik di dalam ruang IVN, diharapkan dengan penggunaan teknologi ruang realiti maya dapat menarik minat mereka untuk lebih dekat dengan alam semula jadi seterusnya mengeluarkan mereka dari kepompong digital. Namun begitu, pentingnya mewujudkan rasa kehadiran reruang itu harus dititikberatkan agar mereka tidak menganggap bahawa alam semula jadi itu membosankan dan lebih baik mereka terus bersama dengan dunia maya mereka.

#### 1.4 Matlamat Kajian



Kajian ini bermatlamat untuk mengkaji kehadiran reruang dalam perubahan tingkah laku Generasi Z terhadap persekitaran semula jadi melalui *Immersive Virtual Nature* (IVN).

#### 1.5 Objektif Kajian

Objektif khusus agar matlamat kajian dapat dicapai adalah seperti berikut:

- a) Meneliti tingkah laku Generasi Z di persekitaran semula jadi dan maya.
- b) Mengkaji tingkah laku Generasi Z terhadap persekitaran semula jadi berdasarkan pengalaman menggunakan IVN
- c) Mengkaji kemampuan IVN dalam perubahan tingkah laku Generasi Z terhadap persekitaran semula jadi

## 1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif-objektif kajian yang telah ditetapkan, maka untuk memastikan kesemua objektif tercapai, beberapa persoalan kajian telah dibina berdasarkan ketiga-tiga objektif khusus kajian iaitu :

- a) Apakah tingkah laku Generasi Z terhadap persekitaran semula jadi dan persekitaran maya?
- b) Adakah IVN yang dipertonton dapat mewujudkan kehadiran reruang terhadap generasi Z sehingga mempengaruhi tingkah laku mereka terhadap persekitaran semula jadi?
- c) Ruang realiti maya yang bagaimana yang dapat memberikan potensi untuk menghubungkan generasi Z dengan persekitaran semula jadi?

## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijangka mempunyai nilai komersialnya yang tersendiri. Bagi tinjauan aspek teoritis, ianya membuka ruang kepada para penyelidik untuk mengkaji hal berkaitan ruangan maya yang dilihat sangat sedikit inputnya khususnya di Malaysia. Tambahan kajian berkaitan kehadiran reruang juga tidak begitu diketengahkan oleh pengkaji-pengkaji geografi di Malaysia mahu pun di luar negara kerana kajian yang berkaitan kehadiran reruang ini lebih dipelopori oleh penyelidik-penyelidik dari bidang psikologi sedangkan kajian berbentuk ruangan adalah antara teras dalam penyelidikan geografi.

Selain itu, kajian berkaitan dengan gaya hidup generasi Z juga dilihat sangat terhad di Malaysia. Selain itu juga, penyelidik geografi juga harusnya seiring dengan perkembangan teknologi, penyelidikan berbentuk geografi teknologi kebiasaanya terlalu berfokuskan pada sistem maklumat geografi namun tidak pada teknologi-teknologi yang lainnya.

Dari aspek praktis, ianya memberi penekanan akan kepentingan untuk badan-badan berkaitan kerajaan untuk menyediakan lebih ruang awam yang mesra dengan generasi Z agar mereka tidak dipengaruhi oleh masalah *nature deficit disorder* seperti yang dibincangkan. Hal ini demikian kerana salah satu punca wujudnya pengasingan diri dengan persekitaran semula jadi adalah disebabkan oleh kekurangan ruang awam yang dilihat mesra dan menarik minat generasi Z masa kini untuk berada di ruang tersebut. Selain itu ianya membantu warga pendidik mahupun ibu bapa dalam membentuk sikap generasi Z untuk lebih menghargai alam dengan kaedah mendekatkan diri mereka dahulu melalui dunia maya dan kemudiannya membawa mereka untuk berinteraksi dengan dunia sebenar.

Teknologi VR masa kini sebenarnya sudah tidak asing kerana penggunaannya yang semakin berkembang membawa dimensi baru dalam dunia maya dan dunia penyelidikan. Ianya dilihat relevan dalam pelbagai bidang seperti perubatan, kejuruteraan, pelancongan dan sosial termasuk kajian ruangan khususnya dalam konteks geografi. Perkembangan penggunaan VR juga ada hubungkaitnya dengan perkembangan generasi masa kini yang sangat menitikberatkan elemen teknologi dalam kehidupan

seharian mereka seterusnya membawa kepada pelbagai lagi cabang persoalan tentang penggunaan VR dalam konteks sosial pula.

## 1.8 Batasan Kajian

Batasan kajian yang pertama sekali dari aspek pemilihan peserta kajian. Seperti yang diketahui bahawa generasi Z adalah mereka yang lahir pada tahun 1995 hingga 2010. Namun yang demikian, kajian mengehadikan tahun kelahiran pada 2000 hingga 2005 iaitu mereka yang berada pada lingkungan 15 ke 20 tahun. Hal ini demikian kerana, generasi Z terdiri daripada kalangan remaja yang mempunyai tahap pemikiran dan kematangan yang berbeza. Oleh yang demikian, umur ini dipilih berdasarkan peralihan kanak-kanak ke remaja, dan awal remaja kepada pertengahan remaja. Ianya adalah disebabkan pada umur ini, mereka sudah mula menampakkan identiti diri mereka yang tersendiri sama ada suka untuk berada kekal dalam dunia maya atau lebih berminat untuk berinteraksi dengan dunia luar. Di samping itu, pada umur ini juga mereka telah memiliki hak untuk menggunakan telefon pintar atau komputer secara mutlak oleh ibu bapa tanpa kawalan yang rapi. Maka akses mereka untuk menggunakan peranti ini dilihat tidak terbatas dan bebas untuk digunakan pada bila-bila masa dan di mana saja.

Selain itu, kajian ini juga membataskan kandungan paparan IVN yang dipilih. Seperti yang dibincangkan pada 1.2, isu *nature deficit disorder* memperlihatkan bahawa manusia sendiri tidak berinteraksi dengan alam semula jadi. Oleh yang demikian, kajian

akan menfokuskan kepada ruang awam iaitu kawasan rekreasi yang menghimpunkan elemen atmosfera, litosfera, hidrosfera dan biosfera. Hal ini demikian kerana, jika kajian menfokuskan pada ruang bandar misalnya, ianya dilihat sudah biasa bagi mereka kerana pergerakan sentiasa berlaku di ruangan ini. Namun tidak bagi kawasan rekreasi yang dilihat generasi Z masa kini sukar mencapainya. Selain itu, elemen semula jadi juga dilihat akan memberikan elemen dan mod kehijauan serta ketenangan emosi yang dijangka akan meningkatkan keinginan mereka untuk merasai pengalaman sebenar berada di ruang ini.

Di samping itu, kajian tidak akan membina ruang realiti maya imersif yang tersendiri berikutan kekangan dari segi kos dan masa. Hal ini demikian kerana, ketika kajian dilaksanakan, dunia sedang mengalami wabak penyakit yang dikenali sebagai Covid-19 yang menular di seluruh dunia menyebabkan berlakunya pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyekat masyarakat untuk keluar rumah. Oleh itu, kajian akan menggunakan rakaman sedia ada yang mempunyai elemen semula jadi yang diambil daripada sumber *YouTube*. Kualiti dan etika penggunaan sumber kedua dititikberatkan agar dapat memudahkan perjalanan kajian sepanjang ianya dilaksanakan.

## 1.9 Definisi Operasional

Kajian akan memperincikan definisi operasional bagi setiap kata kunci yang dominan bagi memastikan bahawa setiap definisi yang diberikan jelas dan menepati setiap hala

tujuan kajian. Selain itu, ianya memberikan peluang untuk pengenalan bagi setiap maksud kata kunci asas dalam kajian khususnya bagi kata kunci yang agak asing dalam kegunaan kehidupan seharian.

### 1.9.1 Kehadiran Reruang

Menurut Waterworth et al. (2015), 'kehadiran' ditakrifkan sebagai 'perasaan terletak' dalam persekitaran luaran. Kehadiran reruang adalah satu bentuk dimensi 'kehadiran' (Shafer et al., 2011). Biocca et al. (2003) menegaskan, "kehadiran reruang sebagai rasa fenomena 'berada di sana' termasuk tindak balas automatik terhadap isyarat reruang dan model mental ruang pengantara yang mencipta ilusi tempat". Witmer dan Singer (1998) mengenai kehadiran ruang, seseorang merasakan bahawa mereka berada dalam persekitaran yang tertentu, namun mereka berada secara fizikal di tempat lain. Kehadiran reruang adalah faktor penting dalam bidang VR (Steuer, 1992) kerana 'kehadiran' dilihat mempunyai pertalian yang paling dekat dengan peranti VR berbanding media lain (Mennecke et al., 2011). Satu faktor yang mempengaruhi 'kehadiran' adalah imersif (Schubert et al., 1999), dan Lombard dan Ditton (1997) menyatakan bahawa imersif adalah klasifikasi kehadiran yang menghasilkan 'kehadiran reruang'. Imersif adalah perasaan keseluruhan akibat daripada penggunaan pelbagai platform paparan dan interaksi seperti *Head Mounted Display* (HMD) yang digunakan oleh pengguna untuk berada di dalam ruang VR (Sanchez-Vives & Slater, 2004).



### 1.9.2 Generasi Z

Menurut Don Tapscott (2009) dalam bukunya '*Grown Up Digital*', Gen Z ditakrifkan sebagai generasi yang lahir pada 1998 hingga 2009. Gen Z dilihat sebagai generasi teknologi yang mula didedahkan dengan internet dan web sejak masih belum mula bercakap lagi. Dalam erti lain, Gen Z membesar di dalam dunia yang kini berhubung menerusi teknologi ciptaan manusia yang semakin berkembang. Kepesatan teknologi masa kini sebagai alat komunikasi yang lebih bersifat nyata dan realistik menjadi kelebihan kepada Gen Z. Mereka sering berada dalam dunia maya dan boleh berhubung ke seluruh pelusuk dunia tanpa had dan batasan. Mereka saling berkomunikasi melalui internet dan media sosial dengan rakan-rakan dari seluruh dunia, maka Gen Z juga dikenali sebagai *iGeneration*, generasi internet atau generasi net.

Yanuar (2016) mendapati bahawa terdapat ciri-ciri khusus yang boleh dikaitkan dengan generasi ini seperti mampu mengaplikasikan semua perkara dalam sesuatu masa (*multi-tasking*) dan obses terhadap dunia maya. Selain itu teknologi maklumat umpama sebahagian dari hidup mereka. Ianya selari dengan dapatan oleh Oblinger dan Oblinger (2005) apabila dikatakan bahawa generasi Z ini lebih cenderung menggunakan teknologi digital dan visual berbanding teks, suka berhubung namun bukan secara bersemuka tetapi di alam maya melalui gajet dan mereka cenderung untuk mendapatkan maklumat dengan pantas.







Merujuk kepada ciri-ciri yang diketengahkan oleh pengkaji, ternyata Gen Z adalah satu kelompok generasi yang begitu berbeza dari segi minat, kemahiran, minda, tingkah laku dan tindakan. Mereka mempunyai ciri tersendiri kesan daripada perkembangan teknologi dan media sosial yang mempengaruhi dan membentuk psikologi dan pemikiran generasi ini. Kehidupan Gen Z yang begitu obses dengan dunia maya dan media sosial menyebabkan mereka kurang berhubung dan berkomunikasi secara langsung dengan orang di sekeliling mereka lebih lebih lagi berhubung dengan persekitaran semula jadi.

### 1.9.3 Realiti Maya (*Virtual Reality* (VR))



Dalam bidang sains dan teknologi, VR adalah sebahagian daripada cabang sains dan teknologi maklumat dan komunikasi. Walau bagaimana, skop VR sebenarnya lebih daripada itu kerana ianya berperanan untuk menggambarkan dunia sebenar ke dalam ruang realiti. Manakala dalam bidang sains kemanusiaan, manusia (pengguna) adalah yang berperanan dalam membangunkan teknologi VR di mana ianya melibatkan sinergi yang kuat dalam pelbagai disiplin seperti psikologi, ergonomik, fisiologi, neurobiologi dan lain-lain lagi (Fuchs et al., 2011).

Terdapat dua definisi dalam VR iaitu definisi secara fungsional dan teknikal. Secara fungsional, Fuchs (2014) mencadangkan asas taksonomi mengenai fungsi-fungsi teoritis di mana beliau menerangkan tentang realiti bahawa manusia telah





mengkonseptualisasikan konsep-konsep masa dan ruang yang ia dapat berinteraksi hanya melalui hukum fizikal dalam dunia nyata. Ini bermaksud VR akan membantu seseorang untuk keluar dari realiti fizikal untuk mengubah masa, tempat dan jenis interaksi. Interaksi yang dimaksudkan adalah interaksi dengan persekitaran yang menyerupai realiti atau interaksi dengan dunia khayalan atau yang seumpama dengannya. Fuchs (2014) mendefinisikannya dengan merujuk kepada penulis-penulis pada abad ke 18 yang menggunakan unit masa, tempat dan tindakan. Melaluinya, ianya boleh memungkinkan untuk mencipta taksonomi fungsional aplikasi VR dengan menggabungkan ketiga-tiga unit tersebut. Manakala definisi secara teknikalnya, VR adalah domain saintifik dan teknikal yang menggunakan sains komputer dan tingkah laku untuk merangsang di dunia maya yang berinteraksi dalam waktu yang nyata melalui saluran sensorimotor.



VR digunakan sebagai fokus utama dalam kajian dimana sistem audio visual persekitaran sebenar dibina dan dimasukkan ke ruang realiti maya. Seterusnya melalui sistem ini, melalui peranti VR dan telefon generasi Z ini akan merasai pengalaman maya melalui persekitaran sebenar berdasarkan persekitaran semula jadi yang diwujudkan melaluinya.

#### **1.9.4 Persekitaran Semula Jadi**

Persekitaran semula jadi merangkumi semua makhluk hidup dan bukan hidup yang berlaku secara semula jadi, yang bermaksud dalam kes ini bukan buatan manusia. Istilah



ini sering digunakan di Bumi atau di beberapa bahagian Bumi. Persekitaran ini merangkumi interaksi semua spesies, iklim, cuaca dan sumber semula jadi yang mempengaruhi kehidupan manusia dan aktiviti ekonomi (Johnson et al., 1997). Selain itu menurut Johnson et al., (1997), konsep alam semula jadi boleh dibezakan sebagai komponen:

- Unit ekologi lengkap yang berfungsi sebagai sistem semula jadi tanpa intervensi manusia secara besar-besaran, termasuk semua tumbuh-tumbuhan, mikroorganisma, tanah, batuan, atmosfera, dan fenomena semula jadi yang berlaku dalam batasan dan sifatnya.
- Sumber alam semula jadi dan fenomena fizikal seperti udara, air, dan iklim, serta tenaga, radiasi, caj elektrik, dan kemagnetan yang bukan berasal dari tindakan

Berlawanan dengan persekitaran semula jadi adalah persekitaran buatan di mana manusia bertindak menukar landskap semula jadi kepada landskap yang dibuat atas dasar perbandaran, penempatan, kegiatan ekonomi yang dibuat seiring dengan keperluan manusia.

### 1.10 Organisasi Penulisan

Kajian yang dijalankan ini diorganisasi terlebih dahulu bagi memudahkan perjalanan penulisan. Dalam menyiapkan penulisan ini, pengkaji menjadikan organisasi penulisan

sebagai panduan dalam menjalankan penyelidikan dan seterusnya dapat mengurangkan kesilapan agar penulisan ini tidak terpesong dari persoalan yang dibincangkan. Dalam penulisan ini, pengkaji mengemukakan dan membahagikan penulisan kepada lima bab yang disokong dengan pendapat daripada kaedah penyelidikan yang dilakukan.

Bab satu iaitu bab pendahuluan akan meliputi perkara-perkara yang ditekankan dalam kajian di mana ianya memberi gambaran akan kajian dan dapatan bagi bab-bab seterusnya. Bab ini merangkumi aspek mengenal pasti permasalahan yang membawa kepada penulisan kajian. Sementelahan, bab ini juga akan menerangkan secara terperinci mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan organisasi penulisan .

Bab dua pula merupakan kajian literatur yang akan diolah tentang topik dari segi definisi, teori dan model yang lebih jelas serta kajian-kajian terdahulu sama ada dalam atau luar negara yang berkait rapat dengan IVN, Generasi Z dan indikator lain yang diperlukan dalam kajian.. Bab ini memberi pemahaman yang lebih jelas tentang isu yang cuba disampaikan dalam konteks ilmiah dan berteraskan fakta. Konsep keseluruhan akan diterangkan dalam bentuk ilmiah dan kajian-kajian lepas serta penulisan-penulisan yang sahih. Ianya juga dimuatkan lagi dengan teoritikal dan kerangka konseptual tentang kajian yang hendak dikaji.

Pada bab tiga iaitu metodologi lebih memfokuskan akan bagaimana kajian ini dijalankan dari awal hingga hujungnya. Dalam bab ini juga meliputi kawasan kajian bagi



penulisan ini. Seterusnya dalam bab ini juga akan diterangkan kaedah analisis yang digunakan berdasarkan rangka dan cadangan yang telah ditetapkan untuk mencapai objektif kajian.

Bab empat merupakan peringkat analisis data kajian iaitu klimaks bagi sesebuah penulisan. Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan bab metodologi yang telah dirangka khusus untuk mendapat jawapan bagi persoalan yang timbul untuk mencapai objektif kajian. Melalui kaedah awal yang dirangka iaitu data primer, data-data ini akan dianalisis bagi menghasilkan satu dapatan yang mampu membawa impak dan keputusan dalam kajian yang dilaksanakan.



Akhir sekali bab lima iaitu bab penutup. Bab ini merangkumi analisis dan juga huraian secara ringkas segala perjalanan kajian dari bab satu hingga bab empat dan seterusnya membincangkan cadangan dan rumusan yang boleh dibuat sebagai idea atau cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan dalam memastikan isu ini dapat diperkembangkan.

## 1.11 Kesimpulan

Bab ini membincangkan latar belakang mengenai keperluan untuk menghubungkan masyarakat dalam generasi Z dengan alam semula jadi akibat daripada desakan persekitaran yang mendorong kepada masalah *nature deficit disorder*. Kesenambungan





keberjayaan kajian akan memungkinkan untuk mengubah corak dan gaya hidup bukan sahaja mereka yang dari kalangan generasi Z malah masyarakat dari generasi-generasi yang lain juga. VR menjanjikan pengalaman yang imersif kepada pengguna untuk merasai kenikmatan sebenar apabila berada di persekitaran semula jadi yang memberi impak yang positif kepada psikofizikal mereka di samping rasa cinta akan alam semula jadi akan cenderung untuk meningkat dan menyebabkan alam sekitar semula jadi terus terpelihara bagi menjamin ekosistem dan biodiversiti yang kekal lestari.

